

# Gerakan Koperasi Negara relevan

*Gerakan  
koperasi boleh  
dikembangkan  
ke peringkat  
antarabangsa*

MUHAMMAD SHAMSUL  
ABD GHANI

PETALING JAYA

**G**erakan Koperasi Negara dilihat sebagai platform yang relevan dan berperanan penting untuk melestarikan ekonomi dan membantu mengurangkan kos sara hidup yang dihadapi oleh masyarakat masa kini.

Pengurus Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Datuk Nordin Salleh berkata, institusi koperasi merupakan instrumen yang dapat menyeimbangkan tuntutan kehidupan masyarakat yang dilihat kian mencabar.

"Dengan keahlian lebih enam juta anggota dan 14,247 buah koperasi, gerakan ini boleh berperanan




FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Nordin diiringi Abdul Fattah (kiri) bersalam dengan peserta-peserta pada Wacana Ilmu sempena Hari Koperasi Antarabangsa 2019 di Auditorium Angkasa, Kelana Jaya semalam.

dengan lebih besar melalui peluasan skala perniagaan untuk menguasai rantaian bekalan supaya masyarakat dapat merasai kesannya selari dengan inisiatif kerajaan mewujudkan kemakmuran bersama untuk dinikmati oleh rakyat dalam setiap peringkat lapisan masyarakat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan program wacana ilmu sempena Hari Koperasi Antarabangsa anjuran Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) di sini semalam.

Dalam pada itu, kata-

nya, persepsi bahawa gerakan koperasi 'terperangkap dalam kepompong yang usang' mestilah diubah kerana gerakan koperasi terus kukuh menepati dan merentasi zaman serta kekal lestari walaupun melalui pelbagai cabaran dan perubahan zaman.

"Warga koperasi dan Angkasa sudah berada di persimpangan bahkan dalam konteks luas kita berada pada peralihan zaman. Mungkin orang dakwa kita lapuk, sebenarnya kita tak lapuk kita mampu bahkan kita masih relevan. Kita

bukan sahaja merentasi zaman malah kita lestari," katanya.

Tambahnya, oleh sebab itulah SKM mengakui sumbangan dan peranan Angkasa sebagai badan apex koperasi yang telah membawa gerakan koperasi negara ke peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah menyuarakan harapan beliau kepada kerajaan untuk memberi sokongan kepada gerakan koperasi dengan menyediakan modal pusingan pada Bajet 2020 bagi mengembangkan perniagaan sektor koperasi ke peringkat antarabangsa.

Terdahulu, Wacana Ilmu anjuran Angkasa yang dihadiri kira-kira 300 orang ahli koperasi dan kakitangan Angkasa mengupas tema sambutan Hari Koperasi Antarabangsa 'Coops 4 Decent Work' atau 'Koperasi Membina Kesejahteraan Sejagat' yang merupakan salah satu daripada 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).